

D672

R B690 BAH
MAHATHIR - NAJIB

KUALA LUMPUR, 5 NOV (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU BELUM MEMIKIRKAN MENGENAI KEDUDUKAN DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK SEBAGAI KETUA PEMUDA PARTI ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU AKAN HANYA MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI PERKARA ITU SEHINGGA +SEMUA SELESAI KELAK+.

BAGAIMANAPUN DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK MENGULAS LANJUT MENGENAI PERKARA ITU APABILA DITANYA OLEH PEMBERITA SELEPAS BELIAU MENYAMPAIKAN UCAPAN DASARNYA PADA KONGRES PENGIKLANAN ASIA 1990 DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

+KEMUDIANLAH, WAKTU INI KITA TIDAK ADA BUAT APA-APA KEPUTUSAN,+ KATA BELIAU.

LAPORAN AKHBAR HARI INI MENYEBUT DATUK SERI NAJIB YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN MUNGKIN BERTANDING BAGI JAWATAN NAIB PRESIDEN PARTI PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MULAI 29 NOV SEKIRANYA BELIAU TIDAK DILANTIK MENJADI KETUA PEMUDA.

MENGIKUT PERLEMBAGAAN UMNO, KETUA DAN NAIB KETUA PEMUDA DILANTIK OLEH PRESIDEN PARTI. -- LAGI.

1840MST 05 11 90

D675

R B696 BAH
MAHATHIR - NAJIB 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI TINDAKAN BEBERAPA BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI YANG MEMBARISKAN BEBERAPA NAMA-NAMA DARI NEGERI BERKENAAN UNTUK DICALONKAN BAGI JAWATAN NAIB PRESIDEN DAN ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SESEORANG CALON DARI SESEBUAH NEGERI TIDAK AKAN BERJAYA TANPA MENDAPAT SOKONGAN DARIPADA NEGERI-NEGERI LAIN.

+SEKARANG KITA SURUH BAHAGIAN DIBUKA OLEH KETUA BAHAGIAN, JADI TENTULAH DIA NAK BAGI NAMA. DAN KALAU DIA NAK BAGI NAMA SIAPAPUN TAK APALAH. AKHIRNYA KALAU SATU ORANG ITU CUMA DISOKONG OLEH SATU NEGERI SAJA, DIA TAK MENANG. DIA KENALAH DAPAT SOKONGAN NEGERI LAIN,+ KATANYA.

APABILA DISEBUT BAHAWA TINDAKAN ITU SEOLAH-OLAH BERTUJUAN SUPAYA CALON-CALON BERKENAAN DIPILIH DI PERINGKAT BAHAGIAN MASING-MASING, BELIAU BERKATA, BELIAU TIDAK TAHU SEJAUH MANA BENARNYA PERKARA ITU DAN BELIAU PERLU MENYIASATINYA.

KETIKA DIMINTA MENGULAS MENGWUJUDAN DUA JAWATAN TIMBALAN MENTERI BESAR DI KELANTAN, BELIAU BERKATA TINDAKAN ITU DISEBABKAN PERMAINAN POLITIK ANTARA PARTI-PARTI PEMBANGKANG DI NEGERI ITU. -- LAGI.

1847MST 05 11 90

D678

R B698 BAH
MAHATHIR - NAJIB 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, PEMBANGKANG SEBENARNYA TIDAK MEMPUNYAI KERJA,
OLEH ITU MEREKA WUJUDKAN DUA JAWATAN TIMBALAN MENTERI BESAR.

+SAYA FIKIR MASING-MASING AKAN DAPAT ELAUN DAN 20 PERATUS
DARIPADA ELAUN BOLEH BAGI KEPADA PARTI,+ KATANYA.

SEMASA DIBERITAHU MENGENAI KENYATAAN PRESIDEN PARTI BERSATU
SABAH DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN BAHAWA PBS KINI BOLEH BERMEGAH
UNTUK MENYUARAKAN PENDAPAT DI PARLIMEN DAN MENGHENTAM KERAJAAN,
DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA= +SAMALAH, KITA PUN BOLEH BANTAI DIA
JUGA+. -- BERNAMA.

1853MST 05 11 90